



PDRM, SKMM, BNM 'gabung' perangi sindiket scam

Oleh Safeek Affendy Razali,
Hafidzul Hilmi Mohd Noor
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan bekerjasama dengan Bank Negara (BNM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memerangi jenayah penipuan dalam talian dengan lebih pantas, khususnya untuk menjejaki pergerakan wang.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd Kamarudin Md Din, berkata gabungan tiga agensi itu dapat mempercepatkan tindakan terhadap sindiket penipuan dalam talian berikutan peningkatan mendadak jenayah berkenaan.

"Paling penting kita mahu me-

ngesan 'money trail' (pergerakan wang) kerana sindiket itu didapati mengeluarkan atau memindahkan wang (hasil penipuan) begitu pantas daripada akaun mangsa kepada akaun lain.

"Oleh itu, usaha pencegahan perlu dilaksanakan dengan lebih komprehensif (membabitkan pelbagai agensi) untuk memerangi jenayah komersial, selain berkongsi maklumat dengan masyarakat.

"Proses kerjasama serta mengeratkan lagi sistem sedia ada itu sedang berlangsung dan kami menjangka kedua-dua agensi itu (BNM dan SKMM) akan bekerjasama dengan Pusat Respon Penipuan JSJK atau CCID Scam Response Center bermula Jun ini," katanya.

CCID terima 2,399 panggilan sejak operasi

Dari Muka 1

Pusat Respon Penipuan JSJK atau CCID Scam Response Center adalah pusat panggilan yang ditubuhkan bagi membolehkan orang ramai berhubung dengan polis untuk membuat pertanyaan atau melapor berkaitan jenayah tipu panggilan atau pelbagai scam.


Pusat ini turut berfungsi sebagai penerima maklumat pertama (iaitu maklumat nombor telefon dan maklumat bank akaun yang diberikan oleh sindiket) dan boleh dihubungi di talian 03-26101559 atau 03-26101599.

Mohd Kamarudin berkata, Pusat Respon Penipuan JSJK mula beroperasi pada 15 Februari tahun lalu serta beroperasi setiap hari dari jam 8 pagi hingga 10 malam.

"Sejak hari pertama beroperasi hingga kini, kita menerima 2,399 panggilan. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,530 panggilan atau 63.4 peratus adalah pertanyaan mengenai modus operandi jenayah macau scam, love scam, belian dalam talian, pinjaman tidak wujud, penipuan pelaburan dan ah long.

"Bakinya, sebanyak 869 panggilan adalah lain-lain pertanyaan, penyaluran maklumat jenayah dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 1,430 atau 59.6 peratus pemanggil terdiri daripada individu yang menjadi mangsa, manakala selebihnya iaitu 969 pemanggil (40.4 peratus) adalah individu yang berjaya mengelak daripada menjadi mangsa selepas merujuk kepada Pusat Respon Penipuan JSJK.



Mohd Kamarudin menunjukkan nombor CCID Response Team yang boleh dihubungi orang ramai jika menjadi mangsa penipuan dalam talian atau menerima panggilan meragukan selepas sidang media di ibu negara, semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau juga menasihati orang ramai membuat semakan nombor telefon dan nombor akaun diberikan sindiket di laman web <http://ccid.rmp.gov.my/semak-mule/> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi.

Pada sidang media sama, Mohd Kamarudin juga mendedahkan ahli politik, orang kenamaan dan pegawai kanan kerajaan turut menjadi sasaran sindiket penipuan yang menyamar sebagai rakan menerusi aplikasi Telegram dan WhatsApp yang mengakibatkan kerugian RM11.47 juta sejak 2020.

Katanya, lebih membimbang-

"Sejak tahun 2020 sehingga Februari tahun ini, 1,710 laporan diterima membabitkan kerugian RM11.47 juta," katanya.

Berikutan itu, Mohd Kamarudin menasihati orang ramai lebih berhati-hati dengan kata laluan sekali guna (OTP) supaya tidak dikongsikan kepada pihak ketiga.

"Sindiket ini mulanya akan menggodam aplikasi WhatsApp atau Telegram orang disasarkan dan kemudian akan menghubungi mangsa untuk mendapatkan OTP dengan menyamar sebagai kakitangan syarikat aplikasi itu.

"Apabila mangsa menyerahkan OTP mereka, sindiket akan mengambil alih aplikasi itu dan menghantar mesej kepada setiap kenalan dalam telefon bimbit mangsa kononnya mahu meminjam wang dengan pelbagai alasan.

"Mangsa yang terpedaya akan memindahkan wang kepada nombor akaun yang diberikan sindiket, dipercayai milik 'keldai akaun'," katanya.

Mohd Kamarudin berkata, mangsa hanya menyedari 'identiti' mereka digunakan oleh pihak ketiga apabila dihubungi rakan atau saudara mara yang mahukan kepastian berhubung pinjaman wang yang dibuat.

Baru-baru ini, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) turut mengingatkan orang ramai mengenai penipuan pelaburan dipromosikan dalam aplikasi Telegram, dengan ada yang menawarkan pulangan tidak realistik sehingga 1,000 peratus dalam masa 24 jam.